

BERBAGAI CARA MENYAMBUT AWAL RAMADAN

Oleh: Firdaus Yahya

Ramadan disambut pada hari ini oleh semua negara Islam kecuali Turki. Penduduk negara tersebut menyambutnya semalam.

Perbezaan ini timbul kerana dasar kalendar Islam adalah rukyah atau pencerapan anak bulan. Bulan baru hanya boleh diisytiharkan jika anak bulan dapat dilihat selepas tenggelamnya matahari pada hari ke 29 bulan hijrah. Erti kata lain, anak bulan mesti berada di atas ufuk barat selepas matahari terbenam.

Sekiranya anak bulan terbenam lebih awal dari matahari, maka ia sudah tentu tidak dapat dilihat. Contohnya, matahari terbenam jam 7 malam sedangkan anak bulan sudah terbenam pada jam 6.50 petang. Maka selepas matahari terbenam, anak bulan tidak dapat dilihat kerana ia sudah terbenam lebih awal lagi.

Anak bulan hanya wujud selepas berlakunya ijtimak bulan, iaitu apabila matahari, bulan dan bumi berada sejajar dalam satu garisan. Ijtimak ini merupakan kriteria bagi penentuan bulan baru bagi kalendar Hindu dan Cina. Bukan kriteria kalendar Islam.

Untuk Ramadan tahun ini, ijtimak berlaku pada hari Isnin jam 3.16 petang waktu Singapura. Ini bermakna, ketika matahari terbenam pada jam 7.16 malam, anak bulan baru berumur 4 jam.

Pada petang hari Isnin, 8 Julai 2013, anak bulan terbenam lebih lewat dari matahari selama 1 minit di Singapura, iaitu pada jam 7.17 malam.

Walaupun anak bulan terbenam lebih lewat dan berada di atas ufuk ketika matahari terbenam, ini bukan faktor utama yang memungkinkannya. Anak bulan perlu berada pada ketinggian tertentu agar dapat dilihat. Sekiranya anak bulan berada terlalu rendah di ufuk barat ketika matahari terbenam, ia tidak akan dapat dilihat. Ini adalah kerana cahaya matahari masih lagi terang, sedangkan cahaya dari anak bulan amat malap dan hampir tidak kelihatan. Cahaya dari matahari tersebut sudah pasti akan menenggelamkan cahaya yang lemah dari anak bulan.

Oleh itu, anak bulan perlu berada tinggi di kaki langit barat ketika matahari terbenam agar cahayanya dapat mengatasi cahaya matahari dan sampai ke mata kita. Atau, anak bulan masih berada di langit untuk tempoh yang agak lama sesudah matahari terbenam. Apabila cahaya matahari semakin malap di barat kerana matahari semakin jauh berada di bawah ufuk, cahaya dari anak bulan akan lebih terserlah.

Ketinggian anak bulan ketika matahari terbenam bergantung kepada umurnya. Rata-rata, umur anak bulan perlulah lebih dari 8 jam untuk membolehkannya mempunyai ketinggian yang mencukupi untuk melihatnya.

Pada hari Isnin lepas, anak bulan baru berumur 4 jam ketika maghrib. Ini menyebabkan ketinggiannya di kawasan Nusantara ini kurang dari 1 darjah atas ufuk. Anggaran 1 darjah ialah setinggi satu jari kelengkeng di atas ufuk. Dengan kedudukannya yang terlalu rendah ini, mustahil bagi sesiapa untuk melihatnya.

Bahkan, ketinggian anak bulan ketika matahari terbenam tidak melebihi 2 darjah di seluruh dunia. Inilah yang menyebabkan hampir kesemua negara mengisytiharkan bahawa anak bulan tidak kelihatan maka Ramadan hanya boleh bermula pada hari Rabu, bukan Selasa.

Namun Turki puasa pada hari Selasa walaupun mengikut pengalaman dan perhitungan, anak bulan tidak dapat dilihat. Mungkin pemerintah Turki menerima laporan kenampakan anak bulan pada hari Isnin.

Inilah antara punca perselisihan umat Islam dalam penentuan awal bulan Islam. Penyaksian anak bulan boleh diterima selagi mana saksi adalah seorang yang dianggap baik. Namun, kebaikan seseorang tidak bermakna dia tidak boleh melakukan kesilapan.

Saksi yang tidak mengetahui ilmu falak mungkin tersilap dan menganggap awan atau asap di kaki langit sebagai anak bulan. Mentelah pula, pada petang hari Isnin, bintang kejora (planet Venus) bersinar terang.

Satu ketika, sahabat Rasulullah s.a.w bernama Anas bin Malik r.a. keluar bersama anak-anaknya untuk melihat anak bulan. Beliau kemudian mendakwa melihatnya sedangkan anak-anaknya tidak dapat melihat anak bulan tersebut. Akhirnya salah seorang daripada mereka meminta izin dari

bapanya untuk mengangkat sehelai uban yang dilihatnya berada di bahagian mata bapanya. Setelah uban tersebut diangkat, Sayidina Anas r.a. berkata dia tidak lagi nampak anak bulan.

Oleh itu amat penting bagi pihak yang berwenang mempunyai pengetahuan dalam ilmu falak untuk membezakan antara penyaksian yang betul dan silap. Begitulah yang ditekankan oleh Imam Taqiyuddin as-Subki, ulama tersohor dalam Mazhab Syafii pada abad yang 13 Masehi.

Terdapat juga kemungkinan juga pihak yang berwenang di negara Turki tidak berpandukan kriteria rukyah, atau melihat anak bulan. Sebaliknya, mereka mungkin berpandukan hisab, atau perkiraan matematik, semata-mata. Maka apabila perkiraan menunjukkan bahawa anak bulan sudah berada di atas ufuk negara mereka, walaupun sesaat, maka mereka isytiharkan esok sebagai bulan baru.

Inilah kriteria yang diguna pakai oleh persatuan Muhammadiyah di Indonesia. Mereka bergantung sepenuhnya kepada hisab. Ia berbeza dengan kriteria yang diguna pakai oleh persatuan Nahdatul Ulama dan pemerintah Indonesia yang bergantung kepada kriteria Imkan Rukyah yang telah disepakati oleh negara-negara MABIMS.

Perbezaan kriteria ini yang menyebabkan anggota persatuan Muhammadiyah di Indonesia memulakan puasa pada hari Selasa. Mereka menolak penggunaan rukyah di Indonesia. Mengikut mereka, anak bulan sudah berada di atas ufuk ketika maghrib pada hari Isnin walaupun mustahil dirukyah.

Majoriti ulama berpendapat bahawa kriteria rukyah adalah kriteria utama berdasarkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Manakalah segelintir ulama berpendapat bahawa kriteria hisab boleh menggantikan kriteria rukyah sekarang kerana ilmu matematik sudah sampai kepada tahap kejituan yang tinggi. Pengabungan kedua-dua kriteria ini menghasilkan kriteria Imkan Rukyah. Saya akan membahaskan kriteria Imkan Rukyah lebih terperinci di artikel akan datang.

Tahun ini (2013) juga menyaksikan permulaan puasa pada hari Ahad oleh kumpulan Naqsyabandiyah Sumatera Barat di Padang. Kumpulan Samaniyah di Masjid Cerobong, Padang, pula memulakan puasa pada hari Isnin. Kumpulan An-Nadzir di Gowa, Sulawesi Selatan juga memulakan Ramadan mereka pada hari Isnin tetapi hanya mula berpuasa pada hari Selasa.

Kumpulan Naqsyabandiyah tersebut menentukan awal Ramadan tahun ini setelah menghitung 360 hari dari awal Ramadan tahun lepas. Mereka tidak berpandukan rukyah atau hisab.

Kumpulan Samaniyah pula menetapkan awal Ramadan dengan menghitung 15 hari selepas pertengahan Syaaban.

Manakala kumpulan An-Nadzir menetapkan awal Ramadan dengan fenomena air pasang pada akhir bulan. Mereka mendakwa air pasang berlaku pada hari Isnin. Oleh kerana air pasang itu berlaku pada jam 1 petang, maka mustahil mereka memulakan puasa pada hari Isnin. Maka mereka memulakan puasa pada hari Selasa walaupun Ramadan untuk mereka telah bermula pada hari Isnin.

Kriteri-kriteria yang diguna-pakai oleh ketiga-tiga kumpulan tersebut tidak mendapat sokongan dari mana-mana ulama muktabar kerana kriteria-kriteria itu tidak berdasarkan nas-nasa Al-Quran dan hadis.

Perbezaan pendapat seperti ini membawa kepada perselisihan, perpecahan dan kelemahan umat Islam. Kesedihan dapat dibayangkan jika si isteri sudah berpuasa sedangkan si suami masih belum mulakan Ramadan. Begitu juga apabila si isteri sudah beraya dan si suami masih berpuasa Ramadan, sedangkan mereka tinggal di bawah satu bumbung. Anak-anak pula akan kebingungan mana satukah yang perlu mereka ikut.

Umat Islam perlu kembali bersatu. Mereka perlu menyerahkan urusan penentuan awal bulan kepada Ulul Amri, iaitu badan pemerintah yang bertanggung-jawab. Sekiranya Ulul Amri membuat keputusan bahawa seluruh negara berpuasa pada hari tertentu dan beraya pada hari tertentu samada mengikut ijthad rukyah, hisab atau Imkan Rukyah, maka semua rakyat perlu taat dan patuh.

Kadangkala keputusan tersebut didapati tidak tepat oleh para ahli falak negara itu. Namun, adalah lebih utama untuk mereka mengikut keputusan tersebut dan mengelakkan fitnah dan perpecahan umat.

Ini berdasarkan kepada hadis bahawa ijthad yang salah tetap diberi ganjaran oleh Allah s.w.t. Penentuan awal bulan adalah berdasarkan ijthad. Sekiranya pihak yang berwenang di pemerintah

tersilap menentukannya, mereka tidak berdosa. Sebaliknya orang yang yang menimbulkan fitnah dan perpecahan akan menanggung dosa yang besar.

Allah s.w.t memerintahkan kita agar mentaati Ulul Amri dalam ayat 59 surah An-Nisaa: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah Allah dan taatlah Rasulullah dan taatlah Ulul Amri dari kalangan kamu.